

KUALA LUMPUR
Suri rumah rayu JKM
lulus bantuan

S14

SABAK BERNAM
Kes pelajar ponteng
menurun

S21



KUALA SELANGOR
Permatang akan terima
lagi dua PTRS

S23

SH 01/07/09 S14

Yadim kesal kes keganasan rumah tangga tinggi

RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM – Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (Yadim), Profesor Emiritius Datuk Dr Nik Safiah Karim kesal dengan peningkatan kes keganasan rumah tangga di mana Selangor mencatatkan rekod tertinggi sebanyak 102 kes sepanjang tahun lepas dan 60 kes sehingga Mac tahun ini.

Beliau berkata, ramai pasangan menghadapi tekanan perasaan akibat

masalah ekonomi yang melanda seluruh dunia hari ini menjadi punca utama kes tersebut.

Katanya, hari ini pendapatan kecil tetapi jumlah perbelanjaan dan sara hidup tinggi telah menjuruskan ke arah keretakan dan keganasan rumah tangga selain tekanan kerja di pejabat dan sebagainya.

“Saya amat sedih mendengar berita ini dan saya berharap ia dapat dikurangkan. Kalau boleh setiap individu mengambil perhatian dengan

jumlah tersebut.

“Kita perlu bersama-sama mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan tekanan di mana sistem nilai dalam kehidupan perlu diubah malah kita tidak boleh terlalu mengharapakan kebendaan,” katanya.

Katanya, pegangan agama dalam diri setiap individu perlu ditingkatkan dalam usaha meningkatkan kualiti dalam institusi kekeluargaan yang lebih cemerlang dan baik.



>S2

● NIK SAFAH